

Pertanian tak jadikan negara mundur

PASIR PUTEH: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan tumpuan pentadbirannya terhadap pembangunan sektor pertanian negara secara menyeluruh, tidak akan menyebabkan negara kembali mundur.

Perdana Menteri berkata, dakwaan sesetengah pihak kononnya beliau seolah-olah mengundurkan kemajuan yang dinikmati negara ketika ini apabila mengutamakan sektor pertanian adalah andaian jahil.

"Sektor pertanian sebenarnya berpotensi mewujudkan banyak pekerjaan serta peluang baru pendapatan tambahan, maka ia perlu disokong untuk terus diperkasakan.

"Sektor pertanian kini membabitkan ramai rakyat negara kita. Berdasarkan maklumat, ramai pula yang miskin di kalangan mereka dan daripada yang miskin itu, ramai pula

Melayu dan Islam.

"Namun, dalam memberi bantuan kepada petani, kita bantu tidak kira kaum dan apa juga parti yang disokongnya kerana rakyat perlu dibela.

"Berikutan itu, saya beri perhatian kepada sektor pertanian, yang jika disokong dengan pembangunan sains dan bioteknologi, akan menguntungkan negara serta memajukan rakyat," katanya.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas merasmikan pelancaran program Baloh Negara, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) di kawasan Ladang Merdeka Jelor, dekat Pasir Puteh di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed; Pengerusi Kada, Datuk Seri Annuar Musa; Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Timbalan Men-

teri Pertanian dan Industri Asas, Tani, Datuk Mohd Sharif Omar.

Terdahulu, dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, adalah rugi jika rakyat tidak merebut peluang memajukan sektor pertanian kerana ia adalah kelebihan yang ada pada negara ini tetapi tidak dimajukan sepenuhnya.

"Sektor pertanian memerlukan usaha menambah nilai bagi menjana dan meningkatkan pendapatan petani. Sebab itu, saya beri perhatian lebih kepada sektor pertanian kerana potensi belum dimajukan sepenuhnya.

"Berbeza dengan sektor perkilangan dan industri yang sudah boleh berkembang sendiri, sudah boleh masuk gear empat, meskipun tidak dibantu kerajaan, berbanding sektor pertanian," katanya.

Beliau berkata, industri perkilangan yang sudah wujud tidak akan

ditinggalkan, sebaliknya akan terus diperhebatkan kerana ia sudah mempunyai momentum sendiri untuk bergerak ke depan.

Katanya, langkah itu bukan lagi sukar kerana Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) kini sentiasa meneruskan promosi menarik pelaburan dalam dan luar negara.

"Kini, saya tidak mahu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kata duit tidak cukup kerana sudah diberi bagi melahirkan pengusaha sektor pertanian daripada peringkat bawah dan kecil sampai sederhana.

"Kementerian itu meyakinkan saya, menjelang 2010, kita dapat melahirkan lebih 10,000 pengusaha asas tani diseluruh negara hingga menjadi masyarakat baru yang muncul dengan hebatnya dalam pertanian," katanya.

"Saya sudah melihat hasil perusahaan dan perniagaan projek Tunas Mekar ini. Ia turut dipamerkan di Perkampungan Hadhari, dengan yang muda membawa ilmu dan yang tua pula membawa pengalaman," katanya selepas pelancaran program Baloh Negara, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) di sini, semalam.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, perbezaan pendapat antara Tun Dr Mahathir Mohamad dengan kerajaan pimpinannya, tidak menjejaskan hubungan dan kerjasama antara negara Asean.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong, yang menyifatkan masalah dalaman negara anggota Asean boleh menjejaskan suasana dalam pakatan itu.

Dalam ucapannya sempena Hari Kemerdekaan Singapura, Lee merujuk perbezaan pendapat antara Dr Mahathir dengan Abdullah boleh menjejaskan suasana dalam Asean terutama Singapura.